



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

E-BULETIN JTKSM

JULAI - DISEMBER 2025

MAJLIS PELUNCURAN SEKOLAH ANGKAT MADANI JTKSM 2025 DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI MACAP, SIMPANG RENGAM, JOHOR

Simpang Renggam – Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif strategik Kerajaan Malaysia bagi memperkukuh pembangunan pendidikan negara melalui pendekatan menyeluruh, kolaboratif dan berimpak tinggi. Majlis ini menandakan langkah permulaan kepada komitmen Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam menjayakan hasrat murni ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM.

Program Sekolah Angkat MADANI digerakkan oleh Ketua Setiausaha, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Pengarah daripada pelbagai kementerian dan agensi termasuk Universiti Awam dan Badan Berkanun Persekutuan. Turut berganding bahu ialah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta pemain industri dari sektor swasta. Pendekatan ini adalah manifestasi ke arah pembinaan ekosistem pendidikan yang mampan dan inklusif.



Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini di 200 buah sekolah seluruh negara, dengan setiap sekolah menerima sokongan sehingga RM100,000. Sekolah Kebangsaan Seri Macap merupakan antara sekolah terpilih di bawah peneraju JTKSM bagi tahun 2025 dan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga sekolah atas pemilihan ini.



MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL JTKSM 2025



Klang - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menganjurkan Mesyuarat Kajian Separuh Penggal bagi tahun 2025.

YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM telah mempengerusikan Mesyuarat Kajian Separuh Penggal ini yang diadakan di Hotel Wyndham Acmar, Klang, Selangor.

Mesyuarat yang melibatkan semua pengarah Ibu Pejabat dan pengarah negeri diadakan bagi menyemak pencapaian separuh penggal pertama jabatan di samping memperhalusi tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan sasaran di separuh penggal kedua dapat dicapai.

Selain itu, mesyuarat ini merupakan platform perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti jabatan dalam memperkasakan tugas pegawai JTKSM dan merealisasikan agenda reformasi penguatkuasaan perburuhan.

Dalam mesyuarat ini juga, YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM telah melancarkan penerbitan Buku Laporan Tahunan tahun 2024 JTKSM dan menyampaikan anugerah kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Terbaik dan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Terbaik bagi Tahun 2024.

Tahniah! JTK Negeri Sembilan, PTK Johor Bahru, Johor, PTK Georgetown, Pulau Pinang serta PTK Kangar, Perlis atas pencapaian cemerlang bagi tahun 2024.



OPERASI KURIER 2025



Klang - Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu di sebuah gudang penyimpanan kurier di kawasan Klang, Selangor.



Usaha ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh Kerajaan dalam memastikan kebajikan pekerja terpelihara di samping memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan semasa.

Tujuan operasi ini dilaksanakan bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan termasuk Akta Kerja 1955, Perintah Gaji Minimum 2024, Akta Standard Minimum Perumahan, Kemudahan dan Penginapan Pekerja 1990 (Akta 446) dan lain-lain akta di bawah bidang kuasa JTKSM di samping memastikan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara termasuk dari aspek gaji, waktu kerja, penginapan pekerja dan lain-lain.



Pihak KWSP mengeluarkan notis kepada majikan untuk siasatan lanjut bagi kesalahan di bawah Akta KWSP 1991 di mana terdapat caruman KWSP pekerja hanya dibayar untuk gaji pokok sahaja dan tidak termasuk elaun. Selain itu, terdapat pekerja separa masa yang tidak dibayar caruman KWSP yang memerlukan siasatan lanjut.

JTKSM akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas terhadap mana-mana majikan yang masih gagal mematuhi mana-mana akta yang dikuatkuasakan.

MESYUARAT KE-5 JAWATANKUASA PEMERIKSAAN BURUH ASEAN (ALICOM) 2025



Georgetown - YBr. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM telah mempengerusikan Mesyuarat ASEAN Labour Inspection Committee (ALICOM) ke-5, yang antara lain membincangkan status pelaksanaan program-program yang dirancang oleh negara-negara ASEAN.

Dalam mesyuarat tersebut, Sekretariat ASEAN turut membentangkan laporan mengenai keputusan-keputusan terdahulu serta inisiatif merentas sektor yang relevan dengan ALICOM.

Sesi perbincangan juga diadakan bersama International Organization for Migration (IOM) berkaitan isu pekerja migran dan International Labour Organization (ILO) mengenai agenda _decent work_ .

Mesyuarat diakhiri dengan ucapan terima kasih oleh pengerusi serta penghargaan kepada semua negara ASEAN. Filipina turut diumumkan sebagai Pengerusi ALICOM bagi tahun 2026-2027.

Majlis turut menyentuh kepentingan kerjasama serantau dalam memastikan ASEAN terus relevan dan progresif dalam menangani isu-isu perburuhan.



PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM: HALA TUJU 2026



PERSIDANGAN PEGAWAI -PEGAWAI KANAN JTKSM : HALA TUJU 2026
"NORMA BAHARU MASA HADAPAN :
TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN DEMI PEKERJAAN BERMARUAH"
BERTAM RESORT & WATER PARK, PULAU PINANG | 31 OKTOBER 2025-02 NOVEMBER 2026

Bertam - Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM: Hala Tuju 2026 telah diadakan dengan jayanya di Bertam Resort & Water Park, Pulau Pinang. Seramai 68 orang pegawai kanan Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan telah hadir menjayakan persidangan ini. Tema persidangan pada kali ini ialah "Norma Baharu Masa Hadapan: Transformasi Penguatkuasaan Demi Pekerjaan Bermaruah".

Tujuan persidangan diadakan adalah bagi membentangkan pencapaian KPI dan resolusi JTKSM bagi tahun 2025. Seterusnya persidangan ini juga turut membincangkan penetapan KPI serta resolusi bagi tahun 2026.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM.

Tema yang diangkat tahun ini amat signifikan dengan keadaan semasa dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Norma baharu yang menuntut perubahan dalam cara berfikir, bertindak dan melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, khususnya sebagai penguat kuasa undang-undang buruh di bawah JTKSM.

Transformasi penguatkuasaan yang dibincangkan sepanjang persidangan ini bukan sekadar soal sistem atau teknologi tetapi lebih kepada perubahan budaya kerja, peningkatan kompetensi dan pengukuhan nilai integriti dalam setiap tindakan yang dilaksanakan.

Penguatkuasaan yang berkesan mesti berpaksikan kepada keadilan, profesionalisme dan empati terhadap pihak yang terlibat, sama ada pekerja mahupun majikan.

Pekerjaan yang bermaruah ialah pekerjaan yang menjamin keselamatan, maruah, kesejahteraan dan hak pekerja. Inilah asas kepada misi JTKSM dan inilah amanah besar yang harus warga JTKSM junjung bersama.



MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI JTKSM 2025




Simpang Renggam - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengadakan Program Kampung Angkat MADANI JTKSM 2025 di Masjid Al-Ehsan, Kampung Perak, Simpang Renggam, Johor.

Majlis peluncuran ini disempurnakan oleh YBrs. Encik Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM bersama wakil jabatan dan agensi kerajaan serta penduduk kampung.

Program Kampung Angkat MADANI ini merupakan inisiatif Kerajaan yang dipantau oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Program ini bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar melalui pendekatan pembangunan bersepadu yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan masyarakat.



Kampung Perak dipilih sebagai lokasi pelaksanaan program berdasarkan keperluan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan asas komuniti. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi menampung kos pelaksanaan, merangkumi aktiviti pembangunan komuniti, penyediaan kemudahan asas dan pengukuhan kesejahteraan penduduk.

Di bawah pelaksanaan ini, beberapa projek pembangunan telah dilaksanakan termasuk penambahbaikan kemudahan infrastruktur yang memberi manfaat kepada penduduk kampung seperti pembinaan dewan terbuka, pembelian van jenazah dan kelengkapan serta baik pulih masjid dan balai raya.

Sempena peluncuran ini, JTKSM turut menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan selama dua hari melibatkan sukan rakyat, pelbagai pertandingan komuniti, perkhidmatan masyarakat, pemeriksaan kesihatan, reruai jabatan dan agensi kerajaan dan larian santai.



**PEMENANG ANUGERAH PENULISAN
ARTIKEL TERBAIK JTKSM TAHUN 2025**

JOHAN



**TRANSFORMASI STRATEGIK PENGUATKUASAAN PERBURUHAN
DALAM KERANGKA MALAYSIA MADANI**

Reformasi Penguatkuasaan Perburuhan: Merealisasikan Malaysia Madani

TRANSFORMASI STRATEGIK PENGUATKUASAAN PERBURUHAN DALAM KERANGKA MALAYSIA MADANI

Oleh:

NORAFIZA BT BABJAN

Penolong Pengarah Kanan Tenaga Kerja

Pejabat Tenaga Kerja Georgetown, Pulau Pinang

Pengenalan

Artikel iniditulis untuk membincangkan kepentingan reformasi penguatkuasaan perburuhandalam merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan,kemakmuran, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Gagasan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2023 bukan hanya bersifat retorik politik, tetapi menjadi kerangka dasar yang menyeluruh ke arah pembentukan sebuah negara maju yang seimbang dari segi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dalam konteks perburuhan, Malaysia MADANI menuntut sebuah ekosistem pekerjaan yang adil, inklusif, dan menjamin perlindungan hak semua pihak terlibat, khususnya golongan pekerja yang menjadi nadi penggerak ekonomi negara. Penguatkuasaan perburuhan yang berkesan bukan sahaja memastikan keadilan kepada pekerja dan majikan, malah menjadi tunjang utama kestabilan sosial dan pembangunan ekonomi negara.

Namun, hasrat ini masih terhalang oleh pelbagai permasalahan yang memerlukan perhatian tuntas. Antaranya termasuklah kelemahan pemantauan, kekurangan pegawai penguat kuasa, ketidakpatuhan oleh majikan terhadap peraturan asas, serta isu pekerjaan baharu dan digitalisasi serta isu integriti dalam kalangan penguat kuasa yang memberi ruang kepada amalan salah guna kuasa dan rasuah.

boleh dipakai oleh pegawai semasa menjalankan pemeriksaan untuk merakam audio-visual bagi menjamin ketelusan, melindungi hak kedua-dua pihak dan menjadi bahan bukti sekiranya berlaku pertikaian. Dron pemantauan pula boleh digunakan dalam kawasan ladang, tapak binaan atau lokasi yang sukar dicapai untuk menilai kehadiran pekerja, keadaan tempat tinggal atau isyarat risiko eksploitasi buruh.

4. Skim Pengiktirafan Majikan Patuh MADANI

Satu skim pensijilan yang memberikan insentif seperti potongan cukai atau keutamaan dalam kontrak kerajaan kepada majikan yang menepati standard perburuhan terbaik. Melalui skim ini, majikan yang menunjukkan prestasi pematuhan cemerlang akan menerima pensijilan rasmi daripada kerajaan. Pensijilan ini boleh memberi faedah seperti keutamaan dalam pembidaan kontrak awam, rebat cukai, serta promosi dalam direktori majikan bertanggungjawab. Secara tidak langsung, skim ini mewujudkan persekitaran saingan positif dalam kalangan majikan untuk mengekalkan amalan perburuhan beretika.

Rumusan

Reformasi penguatkuasaan perburuhan adalah langkah kritikal dalam menjayakan Malaysia MADANI. Keberkesanan penguatkuasaan bukan sahaja memerlukan undang-undang yang progresif tetapi juga pelaksanaan yang tegas, telus dan inklusif. Pendekatan reaktif dan manual tidak lagi memadai dalam landskap pekerjaan moden yang kompleks dan dinamik.

Perbandingan dengan negara serantau membuktikan bahawa pelaburan dalam teknologi, integrasi data, dan ketelusan mampu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan serta kepercayaan pekerja. Dengan melaksanakan reformasi sistematik, Malaysia mampu menjadi model pembangunan buruh beretika di Asia Tenggara.

**PEMENANG ANUGERAH PENULISAN
ARTIKEL TERBAIK JTKSM TAHUN 2025**

NAIB JOHAN



**REFORMASI DAN TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN
PEKERJAAN DALAM MEREALISASIKAN WAWASAN
MALAYSIA MADANI**

Tajuk Artikel:

**"Reformasi dan Transformasi Penguatkuasaan Pekerjaan dalam
Merealisasikan Wawasan Malaysia Madani"**

Penulis :Norilakasmanira Binti Noor
Jawatan :Penolong Pengarah (S10)
Pejabat :Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu
Aras 11, Wisma Persekutuan Jalan Bayam
15200 Kota Bharu, Kelantan

Abstrak

Untuk mencapai matlamat negara madani, penguatkuasaan perburuhan Malaysia mesti diubah. Hak asasi manusia, keadilan sosial, dan kesejahteraan rakyat adalah matlamat utama konsep negara madani. Selain itu, artikel ini membincangkan pelbagai isu yang dihadapi dalam industri perburuhan, termasuk ketidakpatuhan undang-undang oleh majikan, kekurangan kuasa untuk mengawal beberapa bidang, dan kekurangan perlindungan untuk pekerja asing. Pengubahsuaian yang dicadangkan termasuk meningkatkan infrastruktur penguatkuasaan, menambah baik sistem laporan aduan, dan menyediakan majikan dan pekerja dengan latihan dan pendidikan. Selain itu, artikel ini membincangkan pengalaman negara lain yang berjaya melaksanakan reformasi penguatkuasaan perburuhan, seperti negara di Nordic dan Asia Timur, dan bagaimana amalan terbaik ini boleh digunakan di Malaysia. Penguatkuasaan perburuhan yang adil dan berkesan memainkan peranan penting dalam melindungi hak pekerja di Malaysia dan memastikan bahawa mereka tidak terdedah kepada ketidakadilan dan pengeksploitan di tempat kerja. Walau bagaimanapun, isu penguatkuasaan perburuhan yang berkesan bukan sahaja penting untuk kesejahteraan sosial tetapi juga untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan, dan ia adalah penting untuk mencapai matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju. Majikan yang tidak patuh, ketidakseimbangan antara pekerja tempatan dan asing, dan tahap kesedaran antara pekerja dan majikan semuanya menghalang pencapaian ini.

Kata Kunci: Reformasi Penguatkuasaan Perburuhan, Negara Madani, Kesejahteraan Sosial, Keadilan Sosial, Penguatkuasaan Undang-Undang Perburuhan, Pekerja Asing, Malaysia.

memastikan hak pekerja dipertahankan. Penguatkuasaan perburuhan yang baik juga memberi manfaat kepada negara dari segi ekonomi. Sebagai contoh, negara-negara seperti Norway dan Australia mencatatkan kadar produktiviti yang tinggi berikutan pengurusan pekerja yang baik dan kesejahteraan sosial yang terjamin. Secara keseluruhannya, penguatkuasaan perburuhan di negara-negara madani adalah satu contoh bagaimana undang-undang dan amalan sosial dapat berperanan dalam mencipta suasana kerja yang adil dan seimbang, di mana pekerja dilindungi dan diberi peluang untuk berkembang.

KESIMPULAN

Transformasi dalam keperluan penguatkuasaan perburuhan adalah langkah penting untuk memperbaiki dan memastikan sistem perburuhan yang adil, efisien, dan selaras dengan perkembangan zaman. Transformasi ini tidak hanya melibatkan pengemaskinian undang-undang tetapi juga melibatkan peningkatan mekanisme pengawasan, perlindungan pekerja, serta memperkuat hubungan antara pekerja dan majikan dalam beberapa aspek penting yang perlu ditekankan seperti penguatkuasaan perburuhan termasuklah gaji minimum yang adil, hak cuti dan perlindungan sosial, perlindungan pekerja asing, pekerja tidak formal. Transformasi dalam undang-undang perburuhan juga perlu mengambil kira perubahan dalam teknologi, ekonomi, dan sifat pekerjaan itu sendiri. Malaysia perlu berusaha untuk mewujudkan sistem perburuhan yang mampu menyediakan hak yang adil dan kemakmuran bagi semua pihak. Bagi mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang, adil, dan berdaya saing. Harapan untuk masa depan yang lebih baik adalah dengan melihat negara ini berkembang menjadi negara yang lebih memahami kepentingan keadilan sosial dan kesejahteraan pekerja. Sebagai sebuah negara madani, Malaysia berpotensi untuk menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam hal pengurusan perburuhan yang adil dan berkesan, seterusnya mencapai kemakmuran bersama untuk rakyat dan negara. Transformasi penguatkuasaan yang menyeluruh, Malaysia dapat mengatasi cabaran semasa dalam sistem perburuhan, memperkuat ekonomi negara, serta memastikan kesejahteraan sosial yang mampan. Oleh itu, langkah-langkah yang telah diutarakan harus dilaksanakan segera agar Malaysia dapat terus berkembang sebagai negara yang adil, makmur, dan harmonis untuk semua lapisan masyarakat. Ianya merupakan proses berterusan yang memerlukan penglibatan pelbagai pihak, termasuk kerajaan, majikan, kesatuan pekerja, dan masyarakat secara keseluruhan dengan memastikan hak pekerja dilindungi dengan lebih baik dan sistem penguatkuasaan yang lebih ketat, negara dapat mencipta suasana kerja yang lebih adil, produktif, dan selamat untuk semua yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pekerja, tetapi juga kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

**PEMENANG ANUGERAH PENULISAN
ARTIKEL TERBAIK JTKSM TAHUN 2025**

TEMPAT KETIGA



**REFORMASI PENGUATKUASAAN PERBURUHAN OLEH JABATAN
TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA DI DALAM
MEREALISASIKAN MALAYSIA MADANI**

"Reformasi Penguatkuasaan Perburuhan Oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) Di Dalam Merealisasikan Malaysia Madani"

PENDAHULUAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) merupakan satu jabatan yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan serta menguatkuasakan undang-undang yang meliputi 13 akta di dalam memastikan pematuhan aspek perburuhan di kalangan pemain industri, majikan dan pekerja. Seiring dengan perkembangan global, berlaku peningkatan pengetahuan di kalangan majikan dan pekerja di samping penggunaan teknologi yang terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)* yang dilihat semakin berkembang terutamanya di kalangan warga muda berusia 18 tahun hingga 24 tahun. (1)

Sehubungan itu, jabatan telah dan perlu melakukan reformasi dari pelbagai sudut bagi memastikan penguatkuasaan perburuhan yang dilaksanakan berjalan seiring dengan keperluan serta kehendak pelanggan jabatan khususnya dan masyarakat luar umumnya pada masa kini. Ini adalah penting bagi melahirkan masyarakat Malaysia Madani iaitu masyarakat yang berteraskan kepada enam nilai teras iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.(2)

Apa itu Reformasi?

Kamus Dewan Edisi Keempat menjelaskan bahawa Reformasi bermaksud :

"perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik, misalnya dalam sistem sosial, politik dan kebudayaan sesebuah masyarakat: maka lahirlah ~ gereja Protestan yang memisahkan diri dari gereja Katolik; bahasa Melayu sedang mengalami ~; mereformasi membuat reformasi pada: keperluan untuk ~ sistem pendidikan agama yg ada"(3)

(1) <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2024/10/1318157/60-peratus-rakyat-malaysia-guna-ai-dalam-urusan-kerja-peribadi>

(2) <https://malaysiamadani.gov.my/>

(3) Kamus Dewan Edisi Keempat

PENUTUP

“Malaysia has been upgraded to Tier 2 in the 2024 Trafficking in Persons (TIP) Report issued by the United States Department of State. This upgrade is highly significant as Malaysia was ranked at Tier 2 Watchlist in 2023, and the last time the country was at Tier 2 was in 2017.” - Kementerian Dalam Negeri

Kenyataan di atas menggambarkan satu suasana perburuhan yang lebih baik yang berlaku di dalam negara kita. Untuk mencapai tahap sebagaimana di atas bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Malaysia melalui JTKSM, Kementerian Sumber Manusia untuk berada pada kedudukan tersebut.

Misalnya, pada akhir tahun 2023, negara telah berhadapan dengan isu pekerja asing terabai di mana pekerja asing yang dibawa masuk secara sah ke dalam negara tetapi mereka ini tidak diberikan sebarang pekerjaan yang membawa kepada situasi mereka terabai (*stranded*). Rentetan situasi ini, jabatan telah mengambil inisiatif segera bagi mengatasi isu tersebut daripada terus berleluasa kerana ini melibatkan isu antara negara. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Ke-8, Bilangan 2/2023 telah bersetuju terhadap cadangan bagi menangani isu eksploitasi pekerja asing ini meliputi mekanisme Pertukaran Majikan (PTM) Khas.

Secara keseluruhannya, jabatan telah mengambil inisiatif dan tindakan yang sewajarnya dalam memastikan jabatan sentiasa prihatin dengan suasana perburuhan negara, begitu juga dengan suasana harmoni di antara manjikan dan pekerja di tempat pekerjaan masing-masing. Setiap reformasi yang dilaksanakan oleh jabatan pastinya akan memberi impak yang positif serta kesejahteraan buat semua pihak.

Disediakan oleh :

Mazuyana bt. Mohamad

Pen. Pengarah Kanan

Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu